



## **ADVISORY NOTE NO. 1/2021**

# **PANDUAN PINDAH KREDIT PROGRAM SECARA *HORIZONTAL* BAGI PELAJAR UNIVERSITI LUAR NEGARA KE PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI DI MALAYSIA**

### **PENDAHULUAN**

1. Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh pelajar yang terkesan akibat pandemik COVID-19. Terdapat sebilangan pelajar daripada universiti luar negara yang telah pulang ke tanah air dan menghadapi kesukaran untuk meneruskan pengajian di universiti asal mereka.
2. MQA telah menerima pertanyaan berhubung dengan proses pindah kredit pelajar dari universiti luar negara yang berhasrat untuk meneruskan pengajian mereka di Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia.
3. Senat/ Lembaga Akademik PPT mempunyai kuasa mutlak untuk menetapkan proses tambahan yang bersesuaian bagi menentukan kesepadanan kredit yang akan dipindahkan ke program yang akan diikuti sebelum pelajar diterima masuk untuk menyambung pengajian.
4. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

### **PRINSIP PINDAH KREDIT SECARA *HORIZONTAL***

5. PPT perlu memastikan pelajar yang diterima adalah pelajar yang sedang dalam pengajian di universiti luar negara dan bukan berstatus gagal.
6. PPT boleh mendaftarkan pelajar berkenaan dan mempertimbangkan pindah kredit secara ***horizontal***. Pindah kredit secara ***horizontal*** bermaksud pemindahan kredit daripada program pada tahap kelayakan yang sama. Contohnya, sijil ke sijil/ diploma ke diploma/ sarjana muda ke sarjana muda.

7. Proses pemindahan kredit hendaklah berasaskan kepada pemetaan kursus (subject to subject mapping). Bagi tujuan tersebut, pelajar perlu memenuhi syarat umum pindah kredit seperti berikut:
  - i. Gred Lulus : gred minimum iaitu gred C;
  - ii. Nilai Kredit : sama dengan nilai kredit kursus bagi program di PPT penerima; dan
  - iii. Kesetaraan kurikulum kursus : tidak kurang 80%.
8. *Component to component mapping* juga boleh dilaksanakan bagi kursus bukan teras bidang (discipline core), major, pengkhususan (specialisation) dan minor. Contohnya, kursus elektif bebas.
9. Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada institusi dan program yang telah mendapat akreditasi dan pengiktirafan dari badan yang berautoriti di negara berkenaan.
10. Pelajar berpeluang mendapat pindah kredit secara maksimum pengajian yang telah diikuti di luar negara tertakluk kepada syarat **Academic Residential Requirement** pelajar di universiti penerima sekurang-kurangnya satu (1) semester. Tempoh **Academic Residential Requirement** merujuk kepada tempoh masa keberadaan pelajar sama ada secara fizikal atau bukan fizikal (dalam talian) di PPT yang menganugerahkan kelayakan selepas pelajar mendaftar untuk mengikuti program pengajian di PPT tersebut.
11. Pindah kredit yang melibatkan **program profesional** seperti perubatan, pergigian, kejuruteraan dan lain-lain perlu mematuhi syarat pindah kredit yang ditetapkan oleh badan profesional berkaitan (sekiranya ada). Ini bagi mengelakkan sebarang permasalahan berkaitan pendaftaran untuk beramal sebagai profesional selepas pelajar bergraduasi kelak.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>

**AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)**

**13 JANUARI 2021**

## SENARAI DOKUMEN BERKAITAN YANG BOLEH DIRUJUK:

1. Surat Makluman JPT berkenaan Dasar Jaminan Kualiti yang Diputuskan melalui Mesyuarat Kajian Semula Dasar-Dasar berkaitan Jaminan Kualiti Bil. 1/2011 – Bil. 3/2011 bertarikh 27 Mac 2012.
2. Pekeliling MQA Bil. 2/2015 – Dasar Pindah Kredit dan Penambahbaikan Dasar Program Pemindahan Ijazah (Degree Transfer Programme, DTP) bertarikh 23 September 2015.
3. Pemakluman JPT Berkenaan Penambahbaikan Dasar Pindah Kredit bertarikh 19 Ogos 2016.
4. *Advisory Note No. 4/2017 – Credit Transfer: Towards Richer and Diverse Student Learning Experiences* yang diterbitkan oleh MQA pada 20 Disember 2017.
5. Surat Makluman JPT berkenaan Pindaan Garis Panduan Penempatan Pelajar Warganegara Malaysia bagi Bidang Perubatan dan Pergigian dari Luar Negara ke Institusi Pendidikan Tinggi dalam Negara (Institusi Pendidikan Tinggi Swasta, IPTS) berikutan Penularan Wabak Covid-19 bertarikh 26 Oktober 2020.
6. Surat Makluman JPT berkenaan Garis Panduan Penempatan Pelajar Warganegara Malaysia bagi Bidang Perubatan dan Pergigian dari Luar Negara ke Institusi Pendidikan Tinggi dalam Negara (Universiti Awam, UA) berikutan Penularan Wabak Covid-19 bertarikh 10 November 2020.
7. Surat Makluman JPT berkenaan Tata Cara Penempatan Pelajar Warganegara Malaysia dari Luar Negara ke IPTS dalam Negara berikutan Penularan Wabak Covid-19 bertarikh 11 November 2020.
8. Surat Makluman JPT berkenaan Tata Cara Penempatan Pelajar Warganegara Malaysia dari Luar Negara ke UA dalam Negara berikutan Penularan Wabak Covid-19 bertarikh 18 November 2020.